

**Sedu-Sedan Selatan Thailand: Antologi 100 Puisi**

**Mohd. Zamberi Abdul Malek (Peny.)**

Tanjong Malim: Mentari, 2014, 293 halaman, ISBN 978-967-0626-26-0

Antologi ini yang mengumpulkan 100 buah puisi membicarakan tentang sedu sedan masyarakat Selatan Thailand, seperti yang terserlah pada judulnya. Penderitaan, tangisan dan kesengsaraan masyarakat Islam Patani akibat ditekan dan ditindas pemerintah Thailand sejak era penaklukan wilayah selatan (Patani, Narathiwat dan Yala) sehingga kini dalam pelbagai bidang kehidupan menjadi tema utama antologi ini. Tema inilah yang menyatukan keseluruhan puisi yang terkandung dalam antologi ini, dan ia merupakan julung-julung kalinya antologi seumpama ini diterbitkan di rantau Asia Tenggara. Malah, dalam konteks sejarah kesusasteraan Malaysia, inilah kali pertama antologi puisi yang memfokuskan penderitaan dan tangisan masyarakat Islam Selatan diterbitkan di negara ini.

Kekuatan antologi ini ialah apabila ia dihasilkan dua kelompok utama penulis iaitu penyair-penyair daripada kalangan masyarakat Islam Selatan Thailand yang mengalami sendiri penderitaan dan sedu-sedan mereka. Golongan kedua terdiri daripada penyair dari luar Selatan Thailand iaitu Malaysia yang bersimpati dengan nasib malang saudara mereka di Selatan Thailand. Kedua-dua kelompok ini menukangi tema keharuan dalam bahagian “Tentang Patani” yang mengemukakan 30 puisi antaranya yang digarap Z.A.M al-Fatani, Cicit Patani, Noriah Kamarudin, Fatimah Kalung, Adi Patania, Puzy Hadi, Leo A.W.S, Atondra, Rosli K.Matari dan Naapie Mat. Kesatuan perhatian dan perasaan oleh penyair kedua-dua negara ini antara lain memperagakan betapa utuhnya hubungan dan perasaan mereka terhadap isu di Selatan Thailand. Islam ternyata menjadi dalil bahawa nilai setiakawan dapat tumbuh dengan subur walaupun berbeza ragam politik atau latar geografi. Sementara bagi penyair Malaysia yang tidak mengalami sendiri penderitaan tersebut, namun sebagai saudara Islam yang berjiran dengan penduduk Islam Selatan Thailand, mereka turut merasakan pahit maung yang saban hari melanda kehidupan penduduk berkenaan.

Suara simpati malah empati para penulis terhadap polemik Selatan Thailand, ternyata mendapat perhatian yang besar bukan sahaja daripada penyair mapan malah dari kelompok penyair muda. Antologi ini mengkhususkan bahagian “Tunas-tunas Menguntum” bagi memuatkan 50 puisi para penyair muda berkenaan antaranya Hidayah Heangyama, Ma’yaki Sama’in, Yaenak Sakmak-ung, Hamdiyah Haji Mali, Suhaimi L. Dewa, Rapiyah Samaelah, Rohani Liyaknale dan Yasir Watih. Bancuhan pemerhatian dan pengalaman dari penyair muda yang dianggap sebagai “tunas yang baru muncul”, membawakan kesegaran yang tersendiri terhadap antologi ini. Keterlibatan secara langsung membekalkan puisi mereka dengan keintiman dan rasa kekinian pengalaman yang seterusnya menjadikan karya mereka begitu dekat dan bugar.

Rata-rata para penulis menggunakan sudut pandang masing-masing terhadap masalah kegetiran masyarakat Islam Selatan Thailand yang tidak dipedulikan warga antarabangsa yang lebih tertarik misalnya dengan isu Palestin atau Rohingya. Cara ini memungkinkan antologi ini menawarkan pelbagai sisi penderitaan yang ditanggung masyarakat Islam Selatan Thailand, dengan itu menjadikan tema lebih padat dan mendalam. Namun, kepelbagaiannya latar belakang para penulis, dengan lensa masing-masing yang seterusnya memperkayakan tema utama antologi ini, tetap disatukan dengan kesedaran bahawa masalah masyarakat Islam Selatan Thailand adalah masalah bersama dan sewajarnya diselesaikan dengan kadar segera. Ternyata mereka sudah berabad-abad lamannya tertindas seperti yang dirakamkan dalam berita di media cetak dalam dan luar negara. Antologi ini boleh dilihat sebagai bukti kesatuan pengalaman penderitaan yang dilalui dan dirasai orang Islam di mana sahaja mereka berada.

Selain isinya yang begitu menangkap imaginasi pembaca dengan gambaran yang segar, kekuatan puisi ini juga terletak pada olahannya yang diungkap dengan gaya bahasa yang bernilai estetik dan komunikatif. Ia lantas mencuit hati khalayak dengan ketajaman yang berkesan. Ia juga mampu menyuburkan rasa kemanusiaan pembaca terhadap penderitaan dan sedu-sedan masyarakat Islam Selatan Thailand. Secara umumnya, para penulis memaparkan sedu-sedan dan penderitaan masyarakat Islam Selatan Thailand menerusi gaya pengucapan masing-masing yang jujur, berterus-terang dan indah menerusi pemilihan kata yang sesuai dengan judul sesebuah puisi.

Di samping mengemukakan puisi gabungan penulis dari kedua-dua negara dan melibatkan barisan penyair muda, antologi ini juga mempunyai bahagian khusus garapan seorang penyair mapan. Bahagian "Sajak-sajak Nukilan Tok Kadok" mengajukan 20 buah puisi tulisan penyair Tok Kadok atau nama sebenarnya Haji Muhammad Abdul Majid. Bahagian ini dilihat merupakan kesinambungan dukungan para penyair muda dan mutakhir Selatan Thailand terhadap mauduk utama antologi ini iaitu persengketaan politik-agama yang berlaku di negara mereka.

Puisi "Perjuangan Murni" karya Tok Kadok dapat dianggap mewakili puisi yang memerihalkan apa yang dihadapai masyarakat Islam di Selatan Thai. Ternyata tema sedu-sedan dirakam secara positif dan optimis, bahawa wawasan serta gagasan untuk berjuang perlu dinyalakan seperti berikut,

Bagaimana difardzukan sembahyang  
Begitulah juga difardzukan perjuangan  
Hendaklah disedari semua orang  
Oleh Cik Mek oleh Cik Awang  
Tetapi lelaki diwajibkan berperang  
Kaum wanita menyediakan peluang  
Janganlah isteri menjadi penghalang  
Malah wajib meluaskan lapang  
Diwajib berjihad dengan segala barang  
Tenaga, jiwa, harta dan wang  
Dengan lidah, senjata dan senapang  
Sangguplah jua jiwa melayang  
Kematian syahid amatlah terbilang  
Mendapat balas yang amat gemilang  
Di halaman syurga rohnya melayang-layang  
Di dalam kalbu burung dengan cemerlang  
Rebutlah peluang  
Jangan terkurang  
Yang diperjuang  
Tidakkan hilang.  
Jangan putih mata biar putih tulang  
Di tanah darat harimau dan beruang  
Di bumi ini buaya dan memerang  
Di angkasa lapang rajawali dan helang  
Sangguplah tinggal segala yang disayang  
Demi menghancurkan penjajah jalang  
Siam kafir pembunuh jembalang  
Menyebabkan kita menjadi belalang  
Merata-rata di padang lalang  
Dalam kehinaan alang kepalang  
Wajib dihapus oleh generasi sekarang

Penajah primitif wajib ditentang  
Walau setara manapun terbit meregang  
Jangan melarut generasi mendatang  
Kalau segantang tetap segantang  
Jangan rebah sampai terlentang  
Dalam tujuan perjuangan bertambah tegang  
Tak mengapa undur sedikit ke belakang.

(2014: 261-263)

Kelemahan kecil yang dikesan dalam antologi ini ialah penggunaan gaya bahasa lama dalam kalangan sesetengah penulis. Walau bagaimanapun kelemahan kecil tersebut tidak merencatkan antologi ini sebagai wadah suara petaka Selatan Thailand. Antologi ini dilihat merupakan sumbangan besar dan berharga kesusasteraan sebagai penyulur deru ketidakadilan kepimpinan dalam sejarah masyarakat Islam di sana. Sebagai sebuah antologi yang mengungkap penindasan dan penderitaan hidup masyarakat Islam Selatan Thailand, ia mampu mengangkat dan seterusnya menyulurkan suara batin mereka yang menderita, menerusi karya kesusasteraan yang menyuburkan rasa kemanusiaan para pembaca.

Penyelenggara antologi puisi ini, Mohd. Zamberi Abdul Malek merupakan mantan Karyawan Tamu Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya. Beliau banyak menghasilkan biografi tokoh dan pejuang Patani seperti Tengku Mahayidin Harimau Malaya dan Raja Patani Terakhir yang sinonim dengan masyarakat Islam Patani. Hakikat beliau sendiri berketurunan Patani, memberi kelebihan kepada antologi ini kerana ia mendapat sentuhan orang yang benar-benar memahami keadaan di sana.

Talib Samat  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Tanjong Malim  
Perak  
[dr.talibsamat@yahoo.com](mailto:dr.talibsamat@yahoo.com)